

**Penglibatan komuniti dalam program Gerakan Desa Wawasan (GDW) di Kampung Bayangan, Keningau, Sabah**

**ABSTRACT**

Artikel ini membincangkan penglibatan komuniti dalam program Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilaksanakan di Kampung Bayangan, Keningau, Sabah. Penglibatan komuniti adalah suatu elemen penting dalam pembangunan komuniti kerana mereka adalah individu atau kumpulan yang berkepentingan yang menerima kesan yang signifikan daripada pembangunan sesuatu projek atau program yang dirancang dan dilaksanakan. Justeru itu, program Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai mekanisma untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat kerana program ini menekankan penglibatan penduduk kampung itu sendiri dalam proses perancangan dan program pembangunan ke arah menjadikan desa lebih maju, menarik dan menguntungkan. Seramai tujuh orang informan yang di temu bual dalam kajian ini. Kesemua informan yang dipilih mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam mengendalikan dan melaksanakan program GDW di kampung mereka. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam program GDW adalah aktif.